

**NO. DOKUMEN : BKPS-AK03
PEMROSESAN FILEM RADIOGRAFI**

KELUARAN : 5.1

TARIKH KUATKUASA : 01/02/2020

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
PPP	<p>A. PENGAMBILAN RADIOGRAF</p> <ol style="list-style-type: none">1. Pastikan bahagian mulut yang hendak diambil radiograf.2. Pilih jenis filem radiograf yang bersesuaian.3. Masukkan butir-butir pesakit dan radiograf dalam Buku Daftar Pengambilan Radiograf dan/ daftar dalam pangkalan data di komputer induk bagi jenis digital.4. Hidupkan suis mesin radiograf dan pastikan ia berfungsi.5. Posisikan pesakit dia atas kerusi, pakaikan apron pelindung sinaran-x.6. Pilihkan program radiograf yang sesuai mengikut bahagian mulut.7. Letakkan filem radiograf di sebelah bahagian mulut yang perlu diradiograf dan pastikan filem kekal pada tempat tersebut.8. Halakan tiub mesin radiograf dengan betul ke atas bahagian mulut yang berkenaan.9. Minta pesakit supaya jangan bergerak. Pastikan tiada kakitangan dalam bilik radiograf semasa proses pengambilan radiograf.10. Operator hendaklah keluar dari bilik atau berdiri di belakang skrin plumbum dan tekan butang untuk pengambilan radiograf dalam tempoh yang telah ditetapkan.11. Padamkan mesin radiograf dan keluarkan filem dari mulut pesakit.12. Tanggalkan apron pelindung sinaran-x dan simpan dalam keadaan tidak berlipat/ bergantung.

**NO. DOKUMEN : BKPS-AK03
PEMROSESAN FILEM RADIOGRAFI**

KELUARAN : 5.1

TARIKH KUATKUASA : 01/02/2020

PPP

13. Minta pesakit menunggu di ruang menunggu/ bilik rawatan.

14. Cuci filem.

B. MENCUCI FILEM RADIOGRAF

1. Pastikan filem radiograf dibersihkan di bawah air mengalir/ guna disinfektan yang disyorkan oleh pembuat.

2. Keluarkan larutan *developer* mengikut arahan pengeluar dengan menggunakan *syringe*.

3. Masukkan jarum hipodermik ke sudut pembalut plastik filem radiografi dan tekan keluar larutan *developer*.

4. Pastikan ia menutupi filem radiograf dengan menekan perlahan balutan plastik.

5. Cuci filem mengikut teknik dan masa yang ditetapkan oleh pembuat.

6. Buka penutup plastik.

7. Buang larutan *developer* ke dalam bekas khas yang berlabel hazad. Hantar ke jabatan yang berkenaan untuk pelupusan setelah penuh.

8. Bilas filem dengan air paip mengalir yang bersih.

9. Keringkan filem radiografi yang siap dan serahkan kepada Pegawai Pergigian.

10. Pastikan filem radiografi adalah memuaskan, letakkan label pada sampul dengan maklumat : nama pesakit, tarikh radiografi diambil, identifikasi gigi dan empat digit terakhir mengikut nombor kad pengenalan. Simpan filem radiografi selepas rawatan setiap satu dalam sampul khas, selamat dan mudah dikesan.

11. Klipkan sampul pada kad pesakit.

**NO. DOKUMEN : BKPS-AK03
PEMROSESAN FILEM RADIOGRAFI**

KELUARAN : 5.1

TARIKH KUATKUASA : 01/02/2020

JT

12. Jika menggunakan radiograf jenis lain, sila ikut spesifikasi syarikat pembuat.

C. PENYELENGGARAAN MESIN RADIOGRAF

1. Kalibrasi mesin radiograf dilakukan sekali dalam tempoh 2 tahun melalui syarikat yang membekalkan mesin tersebut/ syarikat terpilih.